b. Permohonan Perintah Interim (sementara) di bawah Seksyen 196 sehingga 207 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.

c. Pelanggan yang bermastautin / bermukim di Negeri Pulau Pinang.

iii. Mahkamah Rendah Syariah (MRS):

a. Bagi semua kes Mal yang bernilai tuntutannya dibawah RM 100,000.00

b. Pelanggan yang bermastautin / bermukim di Negeri Pulau Pinang dan di dalam daerah mahkamah tertentu.

c. Bukti permastautin / permukiman ialah samada melalui:

- Kad Pengenalan
- Kad Tukar Alamat
- Surat Pengesahan Qaryah
- Bil Elektrik / Telefon / Air / Majlis Perbandaran

## 6. BAYARAN YANG DIKENAKAN KEPADA PELANGGAN (FI MAHKAMAH)

i. Tiap-tiap pendaftaran kes akan dikenakan bayaran. Bayaran ini ditetapkan berdasarkan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertarikh 18 Januari 1962.

ii. Bayaran-bayaran tersebut ialah:

a. Pendaftaran kes (Tuntutan / Permohonan)
- Di Mahkamah Tinggi - RM20.00
- Di Mahkamah Rendah - RM10.00

b. Menfailkan tuntutan balas
- Di Mahkamah Tinggi - RM20.00
- Di Mahkamah Rendah - RM10.00

c. Saman kepada defendan (tiap-tiap seorang) - RM1.00

d. Saman kepada seseorang saksi (tiap-tiap seorang) - RM1.00

e. Penyampai saman - RM0.50

f. Ikrar Afidavit di hadapan Penolong Pendaftar (tiap satu) - RM1.00

g. Memfail Afidavit (tiap satu) - RM1.00

h. Menandakan Ekshibit (tiap-tiap satu) - RM0.70

i. Memfailkan notis serba jenis (setiap satu) - RM1.00

j. Mendapatkan salinan hukuman / perintah penghakiman
- Di Mahkamah Tinggi - RM2.00
- Di Mahkamah Rendah - RM1.00

k. Memfailkan Notis Rayuan
- Ke Mahkamah Tinggi - RM10.00
- Ke Mahkamah Rayuan - RM20.00

l. Permohonan-permohonan lain - RM1.00

m. Bayaran tambahan jika ada tuntutan berikut:
- Mas Kahwin - RM5.00
- Nafkah Eddah - RM5.00
- Nafkah Diri - RM5.00
- Cerai Taklik / Fasakh / Khuluk - RM4.00
- Nusyuz - RM10.00

n. Wakalah Peguam Syarie - RM10.00

iii. Tiap-tiap bayaran akan dikeluarkan resit bayaran. Pelanggan-pelanggan dikehendaki meminta resit jika tidak diberi oleh Pegawai Mahkamah semasa pendaftaran.

**NOTA:** Pendaftaran kes boleh dibuat sendiri oleh pemohon atau memilih khidmat peguam syarie bagi yang berkemampuan atau bagi yang berpendapatan rendah melalui:

**Biro Bantuan Guaman**
Tingkat 4, Bangunan Persekutuan,
Jalan Anson, 10400 Pulau Pinang.
Tel: 04-2295966


**Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang**
No. 3, Jln. Batu Gantung, 10450, Pulau Pinang
Tel: 04-8282727
Faks : 04-8296427
E-mel Am: jksnpp@penang.gov.my


جباتن كحاكيمن شرعية نكري فولاو فينڠ
**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

# PANDUAN PENDAFTARAN KES MAL



# PANDUAN PENDAFTARAN KES MAL

## 1. JENIS PENDAFTARAN

Terdapat 2 jenis pendaftaran kes MAL yang boleh dibuat di Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang iaitu:

a) Tuntutan

b) Permohonan

TUNTUTAN ialah tiap-tiap tindakan atau prosiding kes Mal yang dimulakan dengan saman berserta penyata tuntutan.

PERMOHONAN ialah tiap-tiap tindakan atau prosiding kes mal yang dimulakan dengan notis permohonan berserta afidavit.

## 2. SENARAI KES YANG BOLEH DIMULAKAN DENGAN PERMOHONAN DI DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG

Kes-kes yang berikut hendaklah dimulakan tindakan atau prosidingnya dengan notis permohonan berserta afidavit, iaitu:

- Keizinan untuk melangsungkan perkahwinan seseorang yang belum dewasa.
- Perlantikan wali am: (tiada wali nasab, wali engkar).
- Perintah bagi pendaftaran perkahwinan yang dilangsungkan berlawanan dengan undang-undang.
- Anggapan kematian.
- Perlantikan penjaga harta seseorang yang belum dewasa.
- Perintah bagi penjagaan bersama harta seseorang yang belum dewasa.
- Perintah bagi pengubahan kuasa penjaga harta seseorang yang belum dewasa.
- Perintah bagi pemecatan penjaga harta seseorang yang belum dewasa.
- Kebenaran bagi pelupusan harta seseorang yang belum dewasa.
- Kebenaran untuk menyara seseorang yang belum dewasa daripada pendapatan hartanya.
- Perintah bagi penggunaan harta modal untuk menyara seseorang yang belum dewasa.
- Perintah larangan yang berhubungan dengan harta seseorang yang belum dewasa.
- Injuksi yang menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia.
- Perintah untuk mengenepikan dan injuksi yang menghalang pelupusan harta untuk mengecewakan tuntutan nafkah.
- Injuksi terhadap perkosaan oleh suami atau isteri atau bekas suami atau isteri.
- Pengiktirafan perkahwinan yang diijabkabulkan di luar negeri Pulau Pinang.
- Pengesahan pengakuterimaan paternity oleh perempuan dalam eddah (pembahagian harta pusaka).

## 3. SENARAI KES YANG BOLEH DIMULAKAN DENGAN SAMAN

Semua jenis kes selain daripada yang disenaraikan di atas, tindakan atau prosidingnya hendaklah dimulakan dengan saman berserta penyata tuntutan kecuali dinyatakan sebaliknya oleh undang-undang. Antaranya ialah:

- Tuntutan Pengesahan Waqaf
- Tuntutan Pengesahan Nazar
- Tuntutan Gantirugi Pertunangan
- Tuntutan Fasakh
- Tuntutan Muta'ah
- Tuntutan Harta Sepencarian
- Tuntutan Nafkah Isteri
- Tuntutan Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya
- Tuntutan Cagaran Nafkah
- Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah
- Tuntutan Nafkah Anak
- Tuntutan Tunggakan Nafkah
- Tuntutan Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak / Nafkah Anak
- Tuntutan Hadhanah
- Tuntutan Ganishmen / Hiwalah
- Tuntutan Penghutang Penghakiman

## 4. PROSEDUR PENDAFTARAN

i. Setiap Pendaftaran kes hendaklah diserahkan sendiri oleh pemohon atau wakilnya atau secara atas talian (online) kepada Ketua Pendaftar atau Pendaftar atau Penolong Pendaftar.

ii. Tiap-tiap dokumen pendaftaran kes hendaklah dikemukakan dalam 4 salinan.

iii. Pendaftaran yang lengkap dan mengikut undang-undang sahaja yang akan diterima.

iv. Pendaftaran kes, jenis permohonan hendaklah disertakan:
   a. Notis permohonan
   b. Afidavit
   c. Ekshibit-ekshibit (jika berkaitan, contohnya salinan sijil nikah, sijil lahir dan lain-lain).
   d. Fi secukupnya
   e. Wakalah Peguam Syarie bagi yang menggunakan khidmat Peguam Syarie
   f. Surat rujukan daripada Pendaftar nikah, cerai, rujuk daerah kepada Hakim Syarie bagi permohonan wali am, perkahwinan bawah umur dan pengesahan janda yang tidak disetubuhi (janda berhias)

v. Pendaftaran kes, jenis tuntutan hendaklah disertakan:
   a. Saman
   b. Penyata tuntutan
   c. Ikatan dokumen (jika berkaitan)
   d. Fi secukupnya
   e. Wakalah Peguam Syarie bagi yang menggunakan khidmat Peguam Syarie

## 5. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN KES MAL DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

i. Semua orang Islam yang berkahwin secara sah mengikut Hukum Syarak dan bermastautin di dalam negeri Pulau Pinang boleh mendaftarkan permohonan atau tuntutan di mana-mana Mahkamah Syariah di tempat dia bermastautin.

ii. Mahkamah Tinggi Syariah (MTS):
   a. Bagi semua kes Mal yang nilai tuntutannya melebihi RM 100,000.00